



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/10/19_52 (HQ)

TNB DAN SIEMENS ENERGY BERGABUNG UNTUK PEMBANGUNAN HIDROGEN HIJAU

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjalin kerjasama dengan Siemens Energy untuk menyegerakan dekarbonisasi iaitu nyah karbon loji kuasa termalnya dengan menggunakan hidrogen hijau yang dihasilkan daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB).

Baru-baru ini TNB telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Siemens Energy, peneraju teknologi tenaga. MoU ini memberi TNB peluang mendalami ilmu dan kepakaran terkini serta sumber tenaga berasaskan hidrogen, dengan tumpuan kepada pengeluaran hidrogen hijau menggunakan elektroliser dan sumber penjanaan daripada TBB seperti pam hidro dan solar.

Pertukaran dokumen telah disempurnakan pada Persidangan Peralihan Tenaga TNB 2023 Ogos lalu. Ia disaksikan oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan, dan Industri, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abd Aziz, diiringi Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid; Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din; Pengarah Urusan TNB Genco, Ir. Muhamad Nazri Pazil dan Naib Presiden Kanan serta Pengarah Urusan Siemens Energy bagi Asia Pasifik, Thorbjorn Fors,

"Kerjasama dengan Siemens Energy adalah selari dengan aspirasi Peralihan Tenaga TNB, yang mengemudi kita menuju sasaran Sifar Bersih menjelang tahun 2050. Kolaborasi ini membuktikan dedikasi penuh TNB menyokong kelestarian alam sekitar," kata Baharin. Beliau turut menekankan bahawa MoU ini membina rangkaian meneroka penyelesaian inovatif dan teknologi terkini dengan sasaran kos efektif dalam pengeluaran hidrogen hijau Malaysia di samping menangani cabaran-cabaran yang berkaitan.

Dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), pembakaran hidrogen dan amonia diiktiraf sebagai salah satu projek utama yang mana TNB dipilih sebagai peneraju untuk memimpin pelaksanaannya dengan kerjasama PETRONAS, sebagai sebahagian daripada inisiatif dekarbonisasi negara. Ia menekankan keperluan untuk menganalisis aspek tekno-ekonomi pembakaran hidrogen dan dalam masa yang sama mengekalkan keterjaminan dan kemampuan milik tenaga yang dihasilkan daripada loji pembakaran bersama hidrogen.

Kerjasama dengan Siemens Energy akan mempekasakan TNB dalam mendalami dan meningkatkan keupayaannya untuk mengkhusus, membeli, membina, mengendalikan, menyelenggara, mengawasi kontrak dan aspek kewangan pengeluaran hidrogen serta aplikasinya untuk pembakaran bersama di loji-loji kuasa termal.

Selain itu, MoU ini juga memudahkan pertukaran pengetahuan dan pemindahan teknologi, membolehkan TNB memperkukuh keupayaan dalaman serta mempertahankan kedudukan selaku peneraju dalam bidang pengeluaran berkaitan hidrogen dan penggunaan pelbagai teknologi.

Kolaborasi dengan Siemens Energy juga akan menggalakkan kerjasama antarabangsa dan mengukuhkan kedudukan TNB sebagai pemain utama dalam peralihan tenaga global ke arah amalan kelestarian dan karbon neutral dalam sektor tenaga.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 19 Oktober 2023, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris at 019-2617617

/ Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731

Emel kami: media@tnb.com.my



Pertukaran dokumen MoU disempurnakan pada Persidangan Peralihan Tenaga 2023, Ogos lalu. Ia disaksikan oleh Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abd Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan, dan Industri Malaysia, dan ditemani oleh Dato' Abdul Razak Abdul Majid, Pengerusi TNB; Dato' Seri Ir. Baharin Din, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB; Ir. Muhamad Nazri Pazil, Pengarah Urusan TNB Genco dan Thorbjorn Fors, Naib Presiden Kanan dan Pengarah Urusan bagi Asia Pasifik di Siemens Energy.